

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : WISMA PUTRA, PUTRAJAYA
Tarikh : 12 OKTOBER 2004
Tajuk : UCAPAN DI MAJLIS PENYERAHAN SURAT LANTIKAN KEPADA
Y.BHG. DATO' HSU KING BEE, BAKAL WAKIL TETAP MALAYSIA
KE PBB DI GENEVA

Y.B. DATO' JOSEPH SALANG
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI

Y.BHG. TAN SRI AHMAD FUZI HAJI ABDUL RAZAK
KETUA SETIAUSAHA

TAN SRI-TAN SRI, DATO'-DATO', DATIN-DATIN, SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WARRAHMATULLAH HI WABARAKATUH DAN SELAMAT
SEJAHTERA,

SAYA AMAT GEMBIRA KERANA KITA DAPAT BERSAMA DI MAJLIS INI, IAITU MAJLIS PENYERAHAN SURAT LANTIKAN KEPADA DATO' HSU KING BEE, TKSU II, YANG BAKAL MENGAMBILALIH TUGAS SEBAGAI WAKIL TETAP MALAYSIA KE PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DI GENEVA. SAYA DIMAKLUMKAN BELIAU DIJADUAL BERLEPAS KE GENEVA PADA 17 OKTOBER 2004.

2. DATO' HSU KING BEE ADALAH PEGAWAI WANITA YANG PALING KANAN DI KEMENTERIAN INI. BELIAU MULA BERTUGAS SEBAGAI PEGAWAI PTD PADA 12 OKTOBER 1972 DAN HARI INI GENAP 32 TAHUN BELIAU BERTUGAS DI WISMA PUTRA. BELIAU AKAN BERSARA WAJIB PADA 16 OKTOBER NANTI.

3. DALAM TEMPOH 32 TAHUN TERSEBUT BELIAU TELAH PERNAH BERKHIDMAT DI KEDUTAAN-KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI BONN, BANGKOK, VIENNA DAN PERNAH MEMEGANG JAWATAN SEBAGAI DUTA MALAYSIA KE ITALI PADA 1994-1996.

4. SEKEMBALI DARI ROME, BELIAU TELAH BERTUGAS DI IBU PEJABAT SELAMA HAMPIR 8 TAHUN. DALAM JANGKA MASA TERSEBUT BELIAU TELAH BERKHIDMAT SEBAGAI SUB (PERANCANGAN DASAR), KETUA PENGARAH ASEAN DAN SETERUSNYA SEBAGAI TKSU II SEHINGGA SEKARANG. SEMEMANGNYA BANYAK PERKARA-PERKARA YANG TELAH BELIAU TEMPUHI DALAM TEMPOH 8 TAHUN TERSEBUT, TETAPI SAYA PERCAYA PENGLIBATAN TERUS BELIAU DALAM MENGURUS PERSEDIAAN SIDANG KEMUNCAK NAM PADA TAHUN LEPAS MERUPAKAN 'HIGHLIGHT' BAGI KARIER BELIAU.

5. DATO' HSU KING BEE BUKAN SAHAJA AMAT PRIHATIN KEPADA TUGAS YANG DIAMANAHKAN, NAMUN BELIAU JUGA MENGAMBIL BERAT TENTANG HASIL KERJA, KEMAHIRAN DAN PEMBANGUNAN KERJAYA PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERADA DI JABATANNYA. SAYA PERCAYA PEGAWAI-PEGAWAI BELIAU AKAN MERASA KEHILANGAN SEORANG KETUA YANG PRIHATIN DAN BERWIBAWA.

6. Y.BHG. DATO' HSU KING BEE ADALAH SEORANG PEGAWAI YANG BERPENGALAMAN LUAS TERUTAMA SEKALI DALAM ISU-ISU PELBAGAI HALA SERTA HUBUNGAN SERANTAU ASEAN. BELIAU JUGA TELAH BANYAK MENJELAJAH KE SELURUH PELUSUK DUNIA DALAM MENJALANKAN TUGAS BELIAU. PENEMPATAN BARU BELIAU DI GENEVA SEMEMANGNYALAH BERSESUAIAN DENGAN PENGALAMAN BELIAU ITU. SAYA YAKIN BELIAU AKAN DAPAT MEMBERI PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG SEMASA BERADA DI SANA, SEPERTIMANA YANG BELIAU TELAH SENTIASA BUKTIKAN SEHINGGA KINI.

7. SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI, MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA DATO' HSU KING BEE DI ATAS PELANTIKAN BELIAU SEBAGAI WAKIL TETAP MALAYSIA KE PBB DI GENEVA. SEMOGA PELANTIKAN BELIAU AKAN DAPAT MEMPERTINGKATKAN LAGI PRESTASI MALAYSIA DALAM ISU-ISU GLOBAL YANG DIBINCANGKAN DI FORUM-FORUM ANTARABANGSA DI SANA.

SEKIAN.